



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS CETAKAN
SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 158

AKTA AHLI KIMIA 1975

Sebagaimana pada 30 November 2015

AKTA AHLI KIMIA 1975

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	...	...	15 Mei 1975
Tarikh Penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	...	...	22 Mei 1975
Kali terakhir dipinda melalui Akta A1493 yang mula berkuat kuasa pada	...	...	...	...	1 November 2015

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	...	...	...	1998
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	...	...	...	2007

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 158

AKTA AHLI KIMIA 1975

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

INSTITUT

3. Institut dan kuasanya
4. Keanggotaan Institut
5. Pejabat Institut
6. Kumpulan wang Institut
7. Fungsi Institut
8. Kaedah-kaedah Institut

BAHAGIAN III

MAJLIS

9. Penubuhan Majlis
10. Kuasa am Majlis
11. Kuasa tertentu Majlis

Seksyen

- 11A. Anggota Majlis, Jawatankuasa, dsb., mestilah warganegara
- 12. Kuasa Majlis pertama untuk membuat kaedah-kaedah
- 13. Arahan Menteri

BAHAGIAN IV

KEANGGOTAAN INSTITUT

- 14. Pendaftar dan Setiausaha
- 15. Daftar anggota
- 16. Keanggotaan Institut
- 17. Gred keanggotaan
- 18. Hak
- 19. Larangan

BAHAGIAN V

AM

- 20. Pelantikan Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib
- 21. Fungsi Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib
- 22. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib
- 23. Pengemukakan sebagai seorang ahli kimia berdaftar dan sekatan berhubung dengan cerakinan kimia
- 23A. Kebenaran berhubung dengan cerakinan kimia
- 24. Kecualian
- 25. Amalan fraud
- 26. Kesalahan oleh firma
- 27. Pelantikan dan kuasa Pemeriksa
- 28. Mendapatkan wang oleh Majlis
- 29. Keberhentian Pertubuhan dan pemindahmilikan harta, hak dan tanggungan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 158

AKTA AHLI KIMIA 1975

Suatu Akta untuk memperbadankan Institut Kimia Malaysia dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan dengannya dan perkara bersampingan lain.

*[1 November 1977, P.U. (B) 627/1977;
kecuali subseksyen 23(2): 1 Oktober 1978,
P.U. (B) 516/1978]*

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Kimia 1975.

(2) Akta ini hendaklah terpakai bagi seluruh Malaysia dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (3), hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Subseksyen 23(2) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, iaitu suatu tarikh yang tidak lebih awal dari empat bulan kalendar selepas tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen (2).

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli farmasi berdaftar” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 [*Akta 371*];

“anggota” atau “anggota Institut” atau “ahli kimia berdaftar” ertinya seseorang yang pada masa ini didaftarkan di bawah Akta ini sebagai seorang anggota Institut;

“daftar” ertinya daftar anggota yang disenggarakan di bawah seksyen 15;

“Institut” ertinya Institut Kimia Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Jawatankuasa” ertinya mana-mana Jawatankuasa yang dilantik di bawah Akta ini;

“kaedah-kaedah” dan “undang-undang kecil” ertinya kaedah-kaedah dan undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ini;

“Majlis” ertinya Majlis Institut;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi sains, teknologi dan inovasi;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Institut yang dinyatakan oleh subseksyen 14(1);

“Pertubuhan” ertinya badan yang dikenali sebagai Institut Kimia Malaysia yang didaftarkan sebagai suatu pertubuhan pada 13 Oktober 1967 [*P.W. 4647 tahun 1967*] di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*];

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis yang dilantik di bawah subseksyen 14(2);

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2) bagi permulaan kuat kuasa Akta ini.

BAHAGIAN II

INSTITUT

Institut dan kuasanya

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama “Institut Kimia Malaysia” hendaklah ditubuhkan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai dan yang boleh, tertakluk kepada Akta ini, membawa guaman dan dibawa guaman atas nama perbadanannya, membuat kontrak, memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih atau apa-apa hak mengenainya, dan memindah hak, menyerah hak, menyerahkan, menggadai, menggadai janji, menyerah hak semula, memindah milik, melupuskan atau dengan cara lain membuat apa-apa urusan mengenainya.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1), Institut boleh melakukan segala perkara yang perlu bagi maksud Institut dan khususnya boleh, tertakluk kepada subseksyen (3)—

- (a) membeli atau memajak apa-apa tanah yang dikehendaki bagi maksud Institut;
- (b) mengambil dan melanggan atau selainnya memperoleh saham dan syer dalam mana-mana syarikat, jika keanggotaan syarikat itu mustahak atau berfaedah kepada Institut bagi maksud memperoleh dan memegang apa-apa pajakan atau sewaan tanah daripada syarikat itu yang dikehendaki bagi maksud Institut;
- (c) kecuali dalam hal pajakan dari bulan ke bulan, menjual, menyerahkan, memajak, menukarkan atau menggadai

janji mana-mana tanah atau bangunan yang terletak hak padanya, mengikut apa-apa cara yang didapatinya paling sesuai atau berfaedah;

- (d) meminjam wang sama ada dengan cara overdraf bank atau selainnya bagi apa-apa maksud Institut yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa oleh Majlis;
- (e) menjamin apa-apa kontrak dengan mana-mana syarikat yang daripadanya Institut ada memegang atau bercadang hendak memegang sesuatu pajakan atau sewaan mengikut perenggan (b) dan apa-apa kontrak lain yang baginya Institut mungkin mempunyai sesuatu kepentingan kewangan dan kepadanya ia boleh menjadi suatu pihak yang sah di bawah seksyen ini; dan
- (f) menerima pemberian, derma dan pemberian wasiat daripada orang perseorangan, syarikat, yayasan atau punca lain.

(3) Penjalanan kuasa di bawah perenggan (2)(a), (b), (c), (d) dan (e) hendaklah dengan kelulusan Menteri.

Keanggotaan Institut

4. Institut hendaklah terdiri daripada orang yang pada masa ini didaftarkan sebagai anggotanya di bawah Akta ini.

Pejabat Institut

5. Institut hendaklah sentiasa mempunyai dan menyenggara suatu pejabat, dan alamat pejabat itu dan apa-apa perubahan mengenainya hendaklah disiarkan oleh Pendaftar dalam *Warta*.

Kumpulan wang Institut

6. Institut hendaklah menubuh dan mentadbir suatu kumpulan wang yang ke dalamnya hendaklah dibayar dan daripadanya hendaklah dibayar semua wang yang diterima dan semua perbelanjaan yang dilakukan dengan sepatutnya oleh Institut pada menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

Fungsi Institut

7. Fungsi Institut hendaklah—

- (a) menentukan kelulusan bagi orang untuk diterima masuk sebagai anggota;
- (b) mengadakan—
 - (i) latihan, pendidikan dan peperiksaan oleh Institut atau mana-mana badan lain, bagi orang yang bercadang untuk menjadi anggota; dan
 - (ii) latihan dan perkembangan professional berterusan bagi anggota yang mengamalkan atau bercadang untuk mengamalkan profession kimia di Malaysia;
- (c) mengawal selia pengamalan, oleh anggota, profesion kimia di Malaysia;
- (d) memajukan kepentingan profession kimia dan juga meningkatkan kesedaran awam dan penghargaan terhadap bidang kimia;
- (e) memberi apa-apa bantuan wang atau bantuan lain kepada anggota atau orang tanggungan mereka sebagaimana yang difikirkannya patut dengan tujuan hendak melindungi atau memajukan kebajikan anggota;:-

- (f) memberi maklumat dan nasihat kepada anggota dan orang awam tentang perkara yang berhubungan dengan kimia;
- (g) bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain, badan professional kebangsaan dan antarabangsa, organisasi saintifik kebangsaan dan antarabangsa dan institusi pendidikan tinggi tentang perkara yang berhubungan dengan kimia;
- (h) memberi input professional, nasihat dan perundingan tentang isu nasional dan global yang melibatkan orang awam melalui kerjasama rapat dengan ahli akademik, badan professional yang lain dan industri;
- (i) meluluskan atau meolak pemberian akreditasi bagi program kimia dan program berkaitan dengan kimia di institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta di Malaysia mengikut Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007 [Akta 679].
- (j) menasihati Menteri tentang perkara yang berhubungan dengan kimia dan profesion kimia; dan
- (k) mempromosikan kemajuan dalam bidang kimia dan sains yang berkaitan dengan kimia dan aplikasinya.

Kaedah-kaedah Institut

8. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Institut boleh dalam mana-mana mesyuarat agung membuat apa-apa kaedah yang perlu atau suai manfaat bagi menguatkuasakan peruntukan Akta ini dan bagi mentadbirkannya dengan sempurna dan kaedah-kaedah itu boleh mengadakan peruntukan bagi mana-mana perkara yang berikut:

- (a) peraturan mengenai pengamalan, oleh anggota, akan profesion kimia di Malaysia;

- (b) penerimaan masuk anggota, bayaran yang kena dibayar apabila diterima masuk dan cara yang baginya keanggotaan boleh terhenti;
- (c) kelayakan bagi orang untuk diterima masuk sebagai anggota;
- (d) latihan, pendidikan atau peperiksaan bagi orang untuk diterima masuk sebagai anggota dan bayaran yang kena dibayar baginya;
- (e) pengalaman praktikal yang dikehendaki untuk diterima masuk sebagai anggota dan kuasa bagi Majlis atau mana-mana Jawatankuasa untuk meluluskan tempat pekerjaan yang mana pengalaman praktik itu boleh diperoleh;
- (f) pengelasan anggota dari semasa ke semasa;
- (g) pemilihan, pelantikan, peletakan jawatan dan pemecatan anggota Majlis;
- (h) pemilihan, pelantikan, peletakan jawatan, dan pemecatan Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis;
- (i) mengadakan mesyuarat bagi Majlis dan anggota;
- (j) cara mengundi dalam mana-mana mesyuarat Majlis atau mesyuarat anggota;
- (k) tatacara bagi Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib dan tatacara yang berhubungan dengan apa-apa aduan kepada mana-mana Jawatankuasa itu;
- (l) penyiaran dalam *Warta*, akhbar dan lain-lain mengenai prosiding dan keputusan Jawatankuasa Tatatertib;

- (m) penggunaan dan jagaan meterai perbadanan Institut;
- (n) jagaan, pelaburan dan perbelanjaan kumpulan wang dan harta Institut;
- (o) peraturan dan pentadbiran Institut dalam segala perkara di dalam bidang kuasanya; dan
- (p) apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini.

(2) Segala kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah tertakluk kepada kelulusan Menteri dan, jika diluluskan oleh Menteri, hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN III

MAJLIS

Penubuhan Majlis

9. (1) Bagi maksud Akta ini suatu Majlis bagi Institut hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada Ketua Pengarah Kimia dan, tertakluk kepada subseksyen (2), lima belas orang anggota Institut yang dipilih oleh anggota Institut.

(2) Anggota Majlis yang dipilih itu hendaklah pada setiap masa termasuk tidak kurang daripada tiga orang *Fellows* dan tidak lebih daripada tiga orang *Licentiates*.

(3) Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua Institut hendaklah dipilih oleh Majlis daripada kalangan anggotanya dan sekiranya berlaku sesuatu kekosongan luar jangka dalam jawatan Yang Dipertua atau Naib Yang Dipertua, Majlis hendaklah memilih dalam mesyuaratnya yang berikutnya atau dengan seberapa segera yang boleh kemudian daripadanya seorang daripada anggotanya untuk mengisi kekosongan itu.

- (4) Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Majlis.

Kuasa am Majlis

10. (1) Institut dan kumpulan wangnya hendaklah diuruskan oleh Majlis dan segala kuasa, perbuatan atau perkara yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Institut yang tidak diarahkan atau dikehendaki dengan nyatanya oleh Akta ini supaya dijalankan atau dilakukan oleh Institut dalam mesyuarat agung boleh dijalankan atau dilakukan oleh Majlis tertakluk kepada Akta ini atau kepada kaedah-kaedah atau apa-apa ketetapan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Institut dalam mesyuarat agung.

(2) Tiada ketetapan Institut boleh membatalkan penjalanan apa-apa kuasa atau pelakuan apa-apa perbuatan atau perkara oleh Majlis sebelum ini, yang tetap sah jika ketetapan itu tidak diluluskan.

Kuasa tertentu Majlis

11. (1) Tanpa menyentuh seksyen 10 dan tertakluk kepada kaedah-kaedah, Majlis boleh—

- (a) membuat undang-undang kecil bagi mengadakan peruntukan mengenai semua perkara yang tidak dikhaskan dengan nyata bagi Institut dalam mesyuarat agung, sama ada perkara itu dinyatakan antara kuasanya atau tidak, dan membuat undang-undang kecil bagi menggesa anggota supaya mengamalkan profesion kimia dengan sempurna, bagi mencegah amalan yang menyalahi undang-undang dan yang keji dalam profesion itu di kalangan anggota dan bagi memajukan kepentingan profesion itu;
- (b) melantik pegawai, kerani, ejen dan pekhidmat bagi perkhidmatan tetap, sementara atau khas, yang difikirkannya patut dan menetapkan kewajipan dan terma dan syarat perkhidmatan mereka;

- (c) mengambil perhatian tentang apa-apa jua yang menyentuh Institut atau kelakuan anggotanya dari segi profesion dan membawa dalam mana-mana mesyuarat agung Institut apa-apa perkara yang difikirkannya material bagi Institut atau bagi kepentingan profesion dan membuat apa-apa syor dan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkannya patut yang berhubungan dengannya;
- (d) berhubung dengan badan lain yang seumpamanya dan dengan anggota profesion itu di tempat lain bagi maksud mendapatkan dan memberi maklumat mengenai segala perkara yang mungkin terbukti berfaedah atau menarik perhatian anggota dan membuat rundingan dan perkiraan dengan badan itu bagi saling mengiktiraf taraf anggota Institut;
- (e) menubuhkan cawangan Institut yang difikirkannya patut;
- (f) mewakili apa-apa kuasa, keistimewaan dan budi bicaranya, kecuali kuasa tatatertibnya, kepada mana-mana cawangan Institut atas apa-apa syarat dan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (g) melantik Jawatankuasa Institut bagi apa-apa maksud dan dengan apa-apa kuasa yang ditetapkan;
- (h) menjalankan segala kuasa, keistimewaan dan budi bicara yang tidak dikehendaki dengan nyata dan eksklusif oleh Akta ini supaya dijalankan oleh anggota Institut dalam mesyuarat agung; dan
- (i) menggunakan meterai perbadanan Institut.

***Anggota Majlis, Jawatankuasa, dsb., mestilah warganegara**

11A. Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Majlis, atau mana-mana Jawatankuasa, bagi Institut atau sesuatu jawatankuasa bagi mana-mana cawangan Institut melainkan jika dia seorang warganegara Malaysia.

Kuasa Majlis pertama untuk membuat kaedah-kaedah

12. (1) Walau apa pun seksyen 8, dan tanpa menyentuh seksyen 10 dan 11, Majlis pertama yang ditubuhkan itu boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengadakan peruntukan mengenai segala atau mana-mana perkara yang tersebut dalam subseksyen 8(1).

(2) Segala kaedah yang dibuat di bawah subseksyen (1) tertakluk kepada kelulusan Menteri dan, jika diluluskan oleh Menteri, hendaklah disiarkan dalam *Warta*, dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga dipinda atau dibatalkan oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 8.

Jaminan

13. Menteri boleh dari semasa ke semasa memberi Majlis arahan bersifat am yang konsisten dengan peruntukan Akta ini dan Majlis hendaklah menguatkuasakan arahan itu.

BAHAGIAN IV**KEANGGOTAAN INSTITUT****Pendaftar dan Setiausaha**

14. (1) Ketua Pengarah Kimia hendaklah menjadi Pendaftar Institut.

* CATATAN—Seksyen 11A belum berkuat kuasa-Lihat Akta A1032.

(1A) Apabila jawatan Pendaftar kosong atas sebab kekosongan jawatan Ketua Pengarah Kimia, Menteri hendaklah melantik seseorang untuk menjalankan tugas sebagai Pendaftar sehingga Ketua Pengarah Kimia yang baru dilantik.

(2) Majlis hendaklah melantik seorang Setiausaha bagi Majlis daripada kalangan anggota Majlis.

(3) Pendaftar boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah atau undang-undang kecil kepada Setiausaha.

(4) Pada menjalankan fungsinya, Setiausaha hendaklah tertakluk kepada kawalan, pengawasan dan arahan Majlis.

(5) (*Dipotong oleh A1493*).

Daftar anggota

15. (1) Pendaftar hendaklah menyenggara suatu daftar anggota yang dalamnya anggota hendaklah dikelaskan mengikut tiga gred, *Fellow, Member dan Licentiate*.

(2) Pendaftar hendaklah mengadakan daftar itu untuk pemeriksaan pada waktu yang munasabah apabila membayar fi yang ditetapkan.

(3) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disiarkan dalam *Warta*, sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap tahun, suatu Salinan daftar itu yang mengandungi perubahan kepada senarai keanggotaan daftar bagi anggota yang telah dikeluarkan daripada daftar, dimasukkan dalam daftar atau dinaik taraf daripada *Licentiate* kepada *Member* atau *Member* kepada *Fellow*.

Keanggotaan Institut

16. (1) Tiap-tiap orang yang telah menjadi anggota Pertubuhan sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan layak, apabila membayar fi

yang ditetapkan, menjadi anggota Institut dalam gred yang sama seperti yang dipegang olehnya dalam Pertubuhan.

(2) Tanpa menyentuh subseksyen (1), dan tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4), tiap-tiap orang berhak, apabila membayar fi yang ditetapkan, diterima masuk oleh Majlis sebagai seorang anggota Institut jika dia mempunyai syarat yang dikehendaki oleh subseksyen 17(2), (3) atau (4).

(3) Tiada seorang pun boleh diterima masuk oleh Majlis sebagai seorang anggota Institut jika dia berumur kurang daripada dua puluh satu tahun atau jika pada pendapat Majlis dia bukan seorang yang layak dan wajar untuk diterima masuk sebagai seorang anggota.

(4) Sesuatu pertubuhan perbadanan adalah tidak layak untuk menjadi anggota Institut.

(5) Seseorang yang tidak puas hati dengan keputusan Majlis di bawah subseksyen (3) boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi.

(6) Tatacara berkenaan dengan rayuan di bawah subseksyen (5) pada asasnya sama seperti rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan sesuatu mahkamah rendah dalam perkara sivil.

(7) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas mendapat nasihat Institut, meminda Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Gred keanggotaan

17. (1) Keanggotaan Institut adalah satu daripada tiga gred, iaitu *Fellow*, *Member* dan *Licentiate*.

(2) Sebelum diterima masuk sebagai seorang *Fellow*, seseorang hendaklah memuaskan hati Majlis bahawa dia—

- (a) mempunyai ijazah atau apa-apa kelulusan akademik yang setaraf, dalam kimia atau dalam apa-apa disiplin

yang khas yang dikaitkan dengan kimia daripada salah satu peperiksaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

- (b) mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia tidak kurang dari sepuluh tahun;
- (c) telah memberi sesuatu sumbangan besar kepada kimia; dan
- (d) telah mencapai umur tiga puluh tiga tahun atau umur yang kurang dari itu sebagaimana yang dibenarkan oleh Majlis dalam sesuatu hal yang khas.

(3) Sebelum diterima masuk sebagai seorang *Member*, seseorang hendaklah memuaskan hati Majlis bahawa dia—

- (a) mempunyai ijazah atau apa-apa kelulusan akademik yang setaraf, dalam kimia atau dalam apa-apa disiplin yang khas yang dikaitkan dengan kimia daripada salah satu peperiksaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;
- (b) mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia tidak kurang daripada tiga tahun bagi ijazah atau yang setaraf dengannya atau tidak kurang daripada satu tahun bagi ijazah sarjana atau ijazah lebih tinggi atau yang setaraf dengannya;
- (c) telah mencapai umur dua puluh satu tahun.

(4) Sebelum diterima masuk sebagai seorang *Licentiate*, seseorang hendaklah memuaskan hati Majlis bahawa dia—

- (a) mempunyai ijazah atau apa-apa kelulusan akademik yang setaraf, dalam kimia atau dalam apa-apa disiplin yang khas yang dikaitkan dengan kimia daripada salah satu peperiksaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua;

- (b) mempunyai pengalaman praktikal dalam kimia tidak kurang daripada satu tahun bagi ijazah atau yang setaraf dengannya; dan
- (c) telah mencapai umur dua puluh satu tahun.

Pernyataan oleh mana-mana orang yang sudah mati, dsb.

18. (1) Seseorang yang telah didaftarkan sebagai seorang *Fellow* bagi Institut boleh, selagi dia didaftarkan sedemikian, memperihalkan dirinya dengan perkataan “*Fellow* bagi Institut Kimia Malaysia” atau apa-apa perkataan yang seumpamanya dalam apa-apa bahasa lain dan boleh menggunakan huruf parap bagi perkataan itu di hadapan namanya.

(2) Seseorang yang telah didaftarkan sebagai seorang *Member* bagi Institut boleh, selagi dia didaftarkan sedemikian, memperihalkan dirinya dengan perkataan “*Member* bagi Institut Kimia Malaysia” atau apa-apa perkataan yang seumpamanya dalam apa-apa bahasa lain dan boleh menggunakan huruf parap bagi perkataan itu di hadapan namanya.

(3) Seseorang yang telah didaftarkan sebagai seorang *Licentiate* bagi Institut boleh, selagi dia didaftarkan sedemikian, memperihalkan dirinya dengan perkataan “*Licentiate* bagi Institut Kimia Malaysia” atau apa-apa perkataan yang seumpamanya dalam apa-apa bahasa lain dan boleh menggunakan huruf parap bagi perkataan itu di hadapan namanya.

Larangan

19. (1) Tanpa menyentuh mana-mana peruntukan lain Akta ini atau kaedah-kaedah atau undang-undang kecil, tiada seorang pun anggota boleh—

- (a) membenarkan seseorang yang bukan seorang anggota menjalankan amalan atas nama anggota itu sebagai seorang ahli kimia berdaftar;
- (b) menjalankan dengan apa-apa cara amalan sebagai seorang ahli kimia berdaftar selain—
 - (i) atas namanya sendiri;
 - (ii) atas nama pekongsinya yang ialah ahli kimia berdaftar; atau
 - (iii) atas nama sesuatu firma yang sedia ada pada tarikh yang ditetapkan atau firma yang ditubuhkan kemudian daripadanya, yang pekongsinya di Malaysia layak untuk didaftarkan di bawah Akta ini; atau
- (c) mengiklankan melalui apa-apa kaedah atau dengan apa-apa cara sebagai menjalankan amalan sebagai seorang ahli kimia berdaftar.

(2) Seseorang anggota yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan Majlis boleh menggantung keanggotaannya selama tempoh tidak melebihi satu tahun dan jika disabitkan untuk kali kedua bagi kesalahan di bawah subseksyen (1), Majlis boleh menamatkan keanggotaannya serta-merta.

BAHAGIAN V

AM

Pelantikan Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib

20. Pada mesyuarat pertama Majlis yang diadakan selepas mesyuarat agung pertama, dan selepas setiap mesyuarat agung

tahunan Institut, Majlis hendaklah melantik Jawatankuasa yang berikut:

- (a) suatu Jawatankuasa Penyiasatan terdiri daripada tiga orang anggota Majlis, dua orang daripadanya hendaklah membentuk kuorum; dan
- (b) suatu Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada lima orang anggota Majlis, yang bukan anggota Jawatankuasa Penyiasatan, tiga orang daripadanya hendaklah membentuk kuorum.

Fungsi Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib

21. (1) Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah menyiasat apa-apa aduan yang dibuat terhadap seseorang anggota mengikut cara yang ditetapkan dalam kaedah-kaedah dan, jika dianggap bahawa aduan itu berpatutan, hendaklah merujuk aduan itu kepada Jawatankuasa Tatatertib.

(2) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah, jika difikirkannya patut, menjalankan berkenaan dengan anggota itu apa-apa kuasa tatatertib yang diberi kepadanya oleh kaedah-kaedah.

Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib

22. (1) Seseorang anggota yang terkilan dengan apa-apa keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi dalam tempoh dua puluh satu hari selepas keputusan itu disampaikan kepadanya.

(2) Tatacara yang menentukan rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah pada asasnya sama seperti rayuan kepada Mahkamah Tinggi terhadap keputusan sesuatu mahkamah rendah dalam perkara sivil.

Pengemukaan sebagai seorang ahli kimia berdaftar dan sekatan berhubung dengan cerakinan kimia

23. (1) Tiada seorang pun yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini boleh—

- (a) menjalankan amalan atau mengemukakan dirinya sebagai seorang ahli kimia berdaftar atau sebagai seseorang daripada apa-apa perihalan lain yang serupa;
- (b) mengiklankan melalui apa-apa kaedah atau dengan apa-apa cara sebagai menjalankan amalan sebagai seorang ahli kimia berdaftar; atau
- (c) menerima pakai, mengguna atau menunjukkan istilah “ahli kimia berdaftar” atau apa-apa perkataan yang seumpamanya dalam apa-apa bahasa lain atau apa-apa istilah lain daripada perihalan yang serupa dalam hal keadaan yang menunjukkan atau mungkin menyebabkan orang memahami bahawa dia ialah seorang ahli kimia berdaftar.

(2) Tiada seorang pun boleh memberi atau mengadakan atas apa-apa keupayaan penentu, atau memperakui atau mengisytiharkan secara bertulis, keputusan apa-apa cerakinan kimia bagi maksud menentukan kandungan atau spesifikasi sesuatu benda atau keluaran yang dimakan atau digunakan, atau yang dicadang untuk dimakan atau digunakan, oleh orang awam atau mana-mana golongannya, melainkan jika—

- (a) dia ialah seorang ahli kimia berdaftar;
- (b) dia ialah seorang ahli farmasi berdaftar dan cerakinan kimia yang keputusannya diberi atau diadakan, atau diperakui atau diisytiharkannya secara bertulis itu adalah bagi maksud menentukan kandungan atau spesifikasi sesuatu makanan, benda atau keluaran perubatan atau farmasi termasuk alat solek dan kelengkapan dandanan diri, atau apa-apa bahagian atau komponennya;

- (ba) dia ialah seorang yang dibenarkan di bawah seksyen 23A bagi maksud subseksyen ini dan memberi atau mengadakan, atau memperakui atau mengisytiharkan secara bertulis keputusan cerakinan kimia bagi maksud dan dalam perjalanan pekerjaannya; atau
- (c) dia ialah seorang pekerja yang bekerja di bawah penyeliaan seorang ahli kimia berdaftar atau ahli farmasi berdaftar atau seseorang yang dibenarkan di bawah seksyen 23A dan memberi atau mengadakan, atau memperakui atau mengisytiharkan secara bertulis keputusan cerakinan kimia bagi maksud dan dalam perjalanan pekerjaannya dan, dalam hal seseorang pekerja yang bekerja di bawah penyeliaan seorang ahli farmasi berdaftar, cerakinan kimia itu ialah bagi maksud menentukan kandungan atau spesifikasi sesuatu makanan, benda atau keluaran perubatan atau farmasi termasuk alat solek dan kelengkapan dandanan diri, atau apa-apa bahagian atau komponennya.

(3) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) dan (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan, bagi kesalahan yang kedua dan berikutnya, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kebenaran berhubung dengan cerakinan kimia

23A. (1) Majlis boleh membenarkan seseorang bagi maksud subseksyen 23(2) jika dia memohon kebenaran Majlis dalam masa tiga bulan kalendar dari tarikh yang ditetapkan dan memuaskan hati Majlis—

- (a) bahawa, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan, dia—

- (i) mempunyai ijazah atau apa-apa kelulusan akademik yang setaraf, dalam kimia atau dalam apa-apa disiplin yang khas yang dikaitkan dengan kimia daripada apa-apa peperiksaan mana-mana institusi pelajaran tinggi dalam mana-mana negeri, selain daripada peperiksaan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua; atau
 - (ii) mempunyai kelulusan atau sesuatu bentuk pengiktirafan formal yang diberi oleh Kerajaan atau sesuatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan, iaitu suatu kelulusan atau pengiktirafan yang pada amnya telah diterima sebagai melayakkan penerimanya melakukan cerakinan kimia;
- (b) bahawa, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan, dia telah diambil kerja oleh seorang majikan dalam sesuatu pekerjaan yang melibatkan dia menjalankan cerakinan kimia; dan
- (c) bahawa, pada tarikh Majlis membuat keputusan mengenai permohonannya—
- (i) dia masih bekerja dengan majikan yang sama dalam sesuatu pekerjaan yang melibatkan dia menjalankan cerakinan kimia; atau
 - (ii) dia bekerja dengan seorang majikan lain iaitu seorang majikan yang kepadanya dia telah memohon untuk bekerja sebelum tarikh yang ditetapkan, dalam sesuatu pekerjaan yang melibatkan dia menjalankan cerakinan kimia.

(2) Dalam memberi kebenarannya di bawah subseksyen (1), Majlis boleh mengenakan apa-apa sekatan atau syarat yang difikirkan patut oleh Majlis dan Majlis boleh pada bila-bila masa kemudiannya mengenakan sekatan atau syarat tambahan atau menghapuskan apa-apa sekatan atau syarat yang telahpun dikenakan.

(3) Seseorang yang tidak mematuhi apa-apa sekatan atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan kebenaran yang diberi kepadanya di bawah subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh didenda sebanyak seribu ringgit.

(4) Majlis boleh membatalkan kebenaran yang diberi kepada seseorang di bawah subseksyen (1) jika Majlis berpuas hati, selepas memberi peluang kepada orang itu untuk didengar, bahawa orang itu tidak mematuhi sesuatu sekatan atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan kebenaran itu, walaupun tiada pendakwaan yang berbangkit daripada kemungkinannya itu telah dibawa di bawah subseksyen (3) dan, jika apa-apa pendakwaan telah dibawa, walau apa pun keputusan pendakwaan itu.

(5) Seseorang yang terkilan dengan—

- (a) keengganan Majlis memberi kepadanya kebenaran di bawah subseksyen (1);
- (b) sesuatu sekatan atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (2) berkenaan dengan kebenaran yang diberi kepadanya; atau
- (c) pembatalan oleh Majlis di bawah subseksyen (4) tentang kebenaran yang diberi kepadanya,

boleh, dalam masa empat belas hari selepas diberitahu tentang keputusan Majlis itu atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri, merayu kepada Menteri.

(6) Dalam rayuan di bawah subseksyen (5), Menteri boleh membuat apa-apa keputusan yang difikirkannya patut dan selaras dengan Akta ini; dan keputusan Menteri itu muktamad, tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah, dan hendaklah dipatuhi oleh Majlis.

(7) Pembatalan sesuatu kebenaran di bawah subseksyen (1) tidak boleh berkuat kuasa sehingga tempoh rayuan yang diperuntukkan

oleh subseksyen (5) telah habis tempoh atau, jika rayuan telah dibuat dalam tempoh tersebut, sehingga pembatalan itu disahkan oleh Menteri atas rayuan.

(8) Melainkan jika dibatalkan dengan sepenuhnya lebih awal di bawah subseksyen (4) dan (7), kebenaran yang diberi kepada seseorang di bawah subseksyen (1) hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa apabila orang itu tidak lagi bekerja dengan orang yang telah mengambilnya bekerja pada masa kebenaran itu diberi kepadanya.

Kecualian

24. (1) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen 23(1) boleh menyentuh hak seseorang atau sesuatu pertubuhan perbadanan untuk mengambil atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang orang atau pertubuhan perbadanan itu berhak mengambil atau menggunakan di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

(2) Walau apa pun Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, seseorang anggota boleh mengambil atau menggunakan nama atau gelaran “ahli kimia” atau apa-apa perkataan yang seumpamanya dalam apa-apa bahasa lain berkenaan dengan penjualan barang-barang secara runcit.

Amalan fraud

25. Seseorang yang—

- (a) memperoleh atau cuba memperoleh pendaftaran atau sesuatu perakuan keanggotaan di bawah Akta ini dengan disedarinya membuat atau mengemukakan atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan sesuatu perisytiharaan, perakuan, permohonan atau pernyataan palsu atau fraud, sama ada secara bertulis atau selainnya;

- (b) secara sengaja membuat atau menyebabkan dibuat apa-apa pemalsuan dalam daftar;
- (c) memalsukan, mengubah atau melancung sesuatu perakuan keanggotaan yang dikeluarkan di bawah Akta ini;
- (d) menggunakan sesuatu perakuan keanggotaan di bawah Akta ini yang telah dipalsukan, diubah atau dilancung dengan menyedarinya sebagai telah dipalsukan, diubah atau dilancung; atau
- (e) menyamar sebagai seorang anggota Institut, atau membeli, menjual atau secara fraud memperoleh sesuatu perakuan keanggotaan yang dikeluarkan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan oleh firma

26. Jika sesuatu firma melakukan sesuatu perbuatan yang, jika dilakukan oleh orang sebenar, akan menjadi suatu kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta ini, tiap-tiap anggota firma itu hendaklah disifatkan sebagai telah melakukan kesalahan itu melainkan jika anggota itu membuktikan bahawa dia tidak tahu mengenai pelakuan kesalahan itu.

Pelantikan dan kuasa Pemeriksaan

27. (1) Menteri boleh melantik beberapa orang ahli kimia berdaftar dalam perkhidmatan awam yang difikirkannya perlu untuk menjadi Pemeriksa bagi maksud Akta ini.

(2) Jika seseorang Pemeriksa ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau sedang dilakukan di mana-mana premis atau yang berhubungan dengan sesuatu perniagaan yang dijalankan di mana-mana premis, dia boleh, pada setiap masa yang munasabah, memasuki, menggeledah dan memeriksa premis itu dan boleh memeriksa, memindahkan dan menahan apa-apa buku, dokumen atau barang lain yang dijumpai di dalamnya yang, pada pendapatnya, boleh memberi keterangan tentang pelakuan kesalahan itu.

(3) Seseorang yang menghalang atau menggalang seseorang Pemeriksa dalam menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (2) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Mendapatkan wang oleh Majlis

28. Apa-apa wang yang kena dibayar kepada Institut di bawah Akta ini atau kaedah-kaedah boleh didapatkan oleh Majlis sebagai suatu hutang yang kena dibayar kepada Majlis dalam mana-mana mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang berwibawa.

Keberhentian Pertubuhan dan pemindahmilikan harta, hak dan tanggungan

29. (1) Pada dan mulai dari tarikh yang ditetapkan, Pertubuhan hendaklah disifatkan sebagai telah terhenti daripada wujud.

(2) Semua harta, alih atau tak alih, yang sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan itu, telah diletak hak pada atau telah dipegang oleh atau untuk Pertubuhan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan itu, dan tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahmilikan, terletak hak atau berpindah kepada Institut dalam keadaan dan mengikut syarat dan maksud sebagaimana harta itu telah diletak hak atau dipegang sebelum sahaja dari tarikh yang ditetapkan itu; dan segala hak dan tanggungan yang, sebelum sahaja dari tarikh

yang ditetapkan itu, adalah hak dan tanggungan Pertubuhan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan itu, menjadi hak dan tanggungan Institut.

JADUAL PERTAMA

[(Seksyen 9(4))]

PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG BERHUBUNGAN
DENGAN MAJLIS

Pengerusi

1. (1) Yang Dipertua Institut hendaklah menjadi Pengerusi Majlis dan hendaklah menguruskan semua mesyuarat Majlis yang dia hadir.

(2) Jika Yang Dipertua tidak hadir, Naib Yang Dipertua hendaklah menguruskan mesyuarat itu dan jika Yang Dipertua dan Naib Yang Dipertua tidak hadir, Majlis hendaklah memilih seorang daripada anggotanya untuk menguruskan mesyuarat itu.

Majlis pertama dan yang berikutnya

2. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 9, Majlis pertama, selain daripada Ketua Pengarah Kimia, hendaklah dalam suatu mesyuarat agung yang diadakan bagi maksud ini dipilih oleh dan daripada orang yang, sebelum sahaja tarikh yang ditetapkan itu, adalah anggota Pertubuhan.

(2) Pada setiap mesyuarat agung tahunan Institut yang berikutnya, empat kekosongan dalam keanggotaan Majlis, selain daripada keanggotaan Ketua Pengarah Kimia, hendaklah diwujudkan dengan persaraan empat orang anggota secara sukarela atau, jika tidak demikian, melalui pilihan sulit, dan kekosongan yang diwujudkan itu hendaklah diisi melalui pilihan baru.

(3) Anggota Majlis yang bersara di bawah subperenggan (2) adalah layak dipilih semula jika mereka tidak hilang kelayakan daripada memegang jawatan dalam Majlis kerana mana-mana daripada alasan dalam subsubperenggan 3(b) hingga 3(g).

Apabila anggota Majlis hendaklah mengosongkan Jawatan

3. Seseorang anggota Majlis, selain daripada Ketua Pengarah Kimia, hendaklah mengosongkan jawatannya jika—

- (a) dia meletak jawatannya;
- (b) dia telah tidak menghadiri mesyuarat Majlis tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran terlebih dahulu secara bertulis daripada Pengerusi Majlis;
- (c) dia menjadi bankrap atau tidak berkemampuan atau dia membuat sesuatu komposisi dengan mana-mana pemiutang atau mengambil peluang atau cuba mengambil peluang daripada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis untuk melikuidasikan aset atau hal ehwalnya;
- (d) dia menjadi tidak sempurna akal;
- (e) yurannya telah tertunggak selama enam bulan;
- (f) dia tidak lagi layak memegang jawatan; atau
- (g) dia disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan, sama ada secara mutlak atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda, selama tempoh dua tahun atau lebih.

Kekosongan luar jangka

4. Apa-apa kekosongan luar jangka yang berbangkit daripada keanggotaan Majlis boleh diisi oleh seseorang anggota Institut yang dipilih oleh Yang Dipertua dan anggota itu hendaklah memegang jawatan sehingga mesyuarat agung tahunan yang berikutnya.

Mesyuarat Majlis

5. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap suku tahun bagi setiap tahun pada masa dan tempat yang ditetapkan olehnya.

(2) Sembilan orang anggota yang hadir sendiri di sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah membentuk kuorum.

(3) Sesuatu keputusan lebih suara anggota Majlis yang hadir dan mengundi di sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah disifatkan sebagai suatu keputusan Majlis.

(4) Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah mempunyai undi asal dan pemutus.

(5) Tertakluk kepada kaedah-kaedah, Majlis boleh membuat peraturan mengenai tatacaranya sendiri.

Anggota Majlis tidak dibayar saraan

6. Tiada apa-apa saraan kena dibayar kepada seseorang anggota kerana memegangjawatan.

Tahun kewangan

7. Tahun kewangan bagi Institut hendaklah berakhir pada 31hb Disember.

Mesyuarat agung

8. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), mesyuarat agung Institut boleh diadakan seberapa kerap yang difikirkan perlu oleh Majlis, tetapi Majlis hendaklah memanggil suatu mesyuarat agung tahunan yang hendaklah diadakan di Malaysia dalam masa tiga bulan selepas berakhir tahun kewangan.

(2) Majlis hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung Institut dalam masa enam minggu selepas menerima permintaan bertulis untuk berbuat demikian, yang menyatakan tujuan mesyuarat itu dan yang ditandatangani oleh tidak kurang dari dua puluh lima orang anggota Institut.

(3) Tatacara di mesyuarat agung dan bagi penyampaian notis hendaklah mengikut kaedah-kaedah.

JADUAL KEDUA

(Seksyen 17)

PEPERIKSAAN KELAYAKAN

1. Peperiksaan akhir Institut.
 2. Apa-apa peperiksaan di mana-mana jua atau bahagiannya yang diiktiraf oleh Kerajaan, setelah berunding dengan Institut, sebagai setaraf dengan atau lebih tinggi daripada peperiksaan akhir Institut.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 158****AKTA AHLI KIMIA 1975****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A415	Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1977	30-09-1977
Akta A1032	Akta Ahli Kimia (Pindaan) 1998	Belum berkuat kuasa
Akta A1493	Akta Ahli Kimia (Pindaan) 2015	01-11-2015

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 158

AKTA AHLI KIMIA 1975

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
1	Akta A415	30-09-1977
2	Akta A1472 Akta A1493	30-09-1977 01-11-2015
6	Akta A415	30-09-1977
7	Akta A1493	01-11-2015
9	Akta A1493	01-11-2015
11A	Akta A1032	Belum berkuat kuasa
14	Akta A1493	01-11-2015
15	Akta A1493	01-11-2015
16	Akta A415	30-09-1977
17	Akta A415	30-09-1977 01-11-2015
18	Akta A1493	01-11-2015
19	Akta A1493	01-11-2015
23	Akta A415 Akta A1493	30-09-1977 01-11-2015

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
23A	Akta A415	30-09-1977 01-11-2015
25	Akta A1493	01-11-2015
27	Akta A1493	01-11-2015
Jadual Pertama	Akta A1493	01-11-2015
Jadual Kedua	Akta A415	30-09-1977
